

NO. SOALAN: 36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2015

RUJUKAN : 8252

SOALAN:

**Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan adakah Kerajaan sedang menimbang
cadangan memberi kebenaran bekerja kepada pelarian daripada
Rohingya, Syria dan negara-negara lain yang diiktiraf oleh UNHCR
sebagai pelarian.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia bukanlah anggota kepada Konvensyen mengenai Status Pelarian 1951 dan/ atau Protokol 1967. Maka dengan itu, tiada peruntukan atau takrifan khusus di dalam perundangan domestik Negara yang menyentuh mengenai 'pelarian' termasuk Akta Imigresen 1959/63. Pengurusan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang memegang Kad United Nation High Commisioner for Refugees (UNHCR) adalah berpandukan Arahan No.23 Majlis Keselamatan Negara. Dasar sedia ada pada masa ini tidak membenarkan pemegang Kad UNHCR bekerja disebabkan golongan ini masih dikategorikan sebagai PATI dan mereka tidak mempunyai sebarang dokumen perjalanan/ pasport yang boleh dikeluarkan sebarang kemudahan untuk bekerja.

Kerajaan turut prihatin akan nasib 'pelarian' Etnik Rohingya sama ada yang baru tiba atau yang telah lama menetap di Malaysia yang masih tidak menentu disebabkan oleh status mereka yang tidak bernegara yakni tidak diiktiraf sebagai warganegara oleh Kerajaan Myanmar. Oleh itu, Kerajaan pada masa kini sedang menyediakan kertas cadangan Projek Perintis Kebenaran Bekerja Untuk Pemegang Kad UNHCR Etnik Rohingya untuk dipertimbangkan. Pelbagai aspek perlu diambil kira terutamanya dari segi keselamatan dan kawalan,

perundangan dan dokumentasi, kebajikan serta sektor pekerjaan yang sesuai dibenarkan sebelum projek ini boleh dilaksanakan.